

10 OGOS 2016

Tak sempat lepas gian

HUBUNGI SKUAD SABAK BERNAM:
MOHD IZZATUL IZUAN - 019-2650821 / 019-3371066

Tak sempat lepas gian

Seramai 23 suspek positif dadah diberkas polis, AADK dalam Op Sarang

SABAK BERNAM – Hasrat 23 penagih dadah melepaskan gian masing-masing di hutan paya bakau, Bagan Sungai Besar, tidak kesampaian apabila mereka diberkas polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam 'Op Sarang' di sini, pagi semalam.

Operasi bersepadu kira-kira jam 7 pagi dan berakhir jam 3 petang itu diketuai Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan komuniti Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, Asisten Superintendan Ahmad Suhaili Abu Bakar.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Nor Azmi Isa berkata, semua suspek yang ditahan itu dibawa ke IPD Sabak Bernam bagi menjalani ujian air kencing.

"Hasil pemeriksaan mendapati semua suspek positif dadah.

"Seramai 10 suspek disiasat di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih



Dua daripada penagih yang dicekup dalam 'Op Sarang' di Bagan Sungai Besar.

Dadah 1952; manakala seorang di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan enam lagi mengikut Seksyen 8(3)(a) akta

sama selain enam Orang Kena Pengawasan (OKP)," katanya.

Beliau berkata, dalam operasi itu, polis turut menahan lima warga

“Operasi seperti ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi membebaskan daerah ini daripada penyalahgunaan dadah.”
- Nor Azmi

Indonesia kerana menetap di negara ini secara haram.

"Lima suspek warga Indonesia disiasat di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen kerana tidak memiliki dokumen perjalanan sah," katanya.

Nor Azmi berkata, masyarakat digesa menyalurkan maklumat positif bagi membantu pihaknya memberkas penagih dan pengedar dadah di kawasan tersebut.

"Operasi seperti ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi membebaskan daerah ini daripada penyalahgunaan dadah," katanya.